

FONOLOGI DAN MORFOLOGI DIALEK NEGERI SEMBILAN
KAJIAN KES DI MUKIM TANJUNG KELING, REMBAU

ABU HASSAN BIN MOHD YUSOF

JABATAN PERSURATAN MELAYU
UNIVERSITI KEERANGSAAN MALAYSIA
BANGI
1983

FONOLOGI DAN MORFOLOGI DIALEK NEGERI SEMBILAN:
KAJIAN KES DI MUKIM TANJUNG KELING, REMBAU

OLEH

ABU HASSAN BIN MOHD YUSOF

LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANAMUDA SASTERA
DENGAN KEPUJIAN

JABATAN PERSURATAN MELAYU
FAKULTI SAINS KEMASYARAKATAN DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI

1982/1983

istimewa buat:

ayah yang dah pergi;
ibu yang tak jemu-jemu
mendoakan kejayaanku;

isteri yang begitu memahami
serta anak-anak
yang belum mengerti
dan

adik-adik yang masih lekakan
keagungan syurga dunia.

apo na? dikato

pai pohan nãe? bosika

toñah aŷi toñah panah

apo dayo mōtoñ gotah

apo nã? dikato

kalau boleh nã? jadi ce?gu s^okolah

ke? kolo pilah

sawah leba kobau baña?

ae pigi sojo? sokali

supi sopi ta?do oŷaŷ

apo nã? dikato

kalau boleh nã? biseñ-biseñ

mācam pohan tampen

tana? nasi? boŷeh kampon

māsa? loma? cili api

māsen padi ta?do lai

apo nã? dikato

ŷamāi oŷaŷ dah koŷo kilan

ke? pohan soŷomban

batu ŷampe? tolo? komāñ

tampe? oŷaŷ māndi-māndo

aŷi minggu ponoh sosa?

apo mā? dikato

ae laot botambah māsen

ke?pohan po? de?sen

PENGHARGAAN

Bismilla - hirrahma - Nirrahim

Terlebih dahulu yang mengucapkan syukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana telah melimpahkan taufik dan hidayat-Nya sehingga dapat saya sempurnakan latihan ilmiah ini pada masa yang telah ditetapkan.

Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan rasa terima kasih serta terhutang budi saya kepada Prof. Madya Dr. Farid M. Onn, Pengarah Institut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, UKM, kerana sudi menjadi penyelia serta pembimbing saya didalam menyempurnakan latihan ilmiah ini. Segala tunjuk ajar serta pandangan telah saya gunakan sepenuhnya di dalam kajian ini. Mudah-mudahan, segala jasabaik akan saya hargai dan menjadi kenangan di sepanjang hayat.

Tidak lupa juga saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada penduduk-penduduk di Mukim Tanjung Keling, Rembau, yang telah memberikan kerjasama yang begitu

menggalakkan di dalam usaha saya untuk memperolehi daftar kata dialek ini untuk kajian ini. Kepada Ketua Kampung, Kampung Tanjung Keling, Encik Mohd. Lazim, lebih-lebih lagi ibu penulis, Hasnah bt. Malek, serta nenda penulis sendiri, Mendek bt. Hj. Hassan, yang telah banyak membantu penulis terutama di dalam usaha mengumpulkan daftar kata dialek kajian ini. Juga, kepada pegawai-pegawai di Pejabat Daerah Rembau yang telah turut memberikan kerjasama, saya ucapkan terima kasih. Semoga budi baik kalian akan diberkati Allah jua.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga saya rakamkan khusus untuk isteri saya, Hayati bt. Ismail serta anak-anak, Hasfariza dan Hasyima, yang begitu bersimpati ketika menghasilkan kajian ilmiah ini.

Akhir sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat di dalam menghasilkan latihan ilmiah ini.

Abu Hassan b Mohd Yusof,
K9B-112, Komsis 'C',
Universiti Kebangsaan Malaysia,
Bangi, Selangor.

24 Januari, 1983.
10 Rabiul-Awal, 1403.

KANDUNGAN

	Halaman
PENGHARGAAN	i
KANDUNGAN	iii

BAB 1

PENGENALAN

1.1	Pendahuluan ..	...	1
1.2	Penggolongan Dialek	...	2
1.3	Dialek Kajian	...	5
1.4	Kawasan Kajian	...	8
1.5	Pengumpulan Data	...	9
1.6	Masalah Kajian <i>"Kandungan"</i>	...	11
1.7	Tujuan Kajian	...	13
1.8	Organisasi dan Abreviasi	...	16
NOTA		...	19

BAB 2FONOLOGI

2.0	Definisi	..	..	..	..	21
2.1	Inventori Konsonan	..	..	..	..	23
2.1.1	Plosif	..	..	..	..	25
2.1.2	Afrikat	..	..	..	..	29
2.1.3	Nasal	..	..	..	..	30
2.1.4	Lateral	..	..	..	..	33
2.1.5	Frikatif	..	..	..	..	34
2.1.6	Frikatif Alveolar	..	..	..	..	37
2.1.7	Hentian Glotis	..	..	..	..	38
2.1.8	Frikatif Glotal	..	..	..	..	39
2.1.9	Separuh Vokal	..	..	..	..	42
2.2	Konsonan Pinjaman			..	..	44
2.3	Inventori Vokal	..	..	..	..	47
NOTA	..	..	..	..	..	59

BAB 3MORFOLOGI

3.0	Pendahuluan	..	..	..	..	60
3.1	Kata Akar	..	..	..	..	62

3.1.1	Kata Akar yang Monosilabik	..	64
3.1.2	Kata Akar yang Bisilabik	..	64
3.1.3	Kata Akar yang Trisilabik	..	67
3.1.4	Kata Akar yang 4 Silabik	..	68
3.2	Kata Partikel		70
3.2.1	Kata Bilangan		71
3.2.2	Pengkuantitian		72
3.2.3	Interogatif		72
3.2.4	Kata Penghubung		73
3.2.5	Preposisi		74
3.2.6	Negatif		75
3.2.7	Emfatik		76
3.2.8	Afirmatif		77
3.2.9	Interjeksi		77
3.3	Imbuhan		78
3.3.1	Awalan		79
3.3.1.1	Awalan [pɔŋ]		79
3.3.1.2	Awalan [mɔŋ]		81
3.3.1.3	Awalan [bɔ]		82
3.3.1.4	Awalan [tɔ]		83
3.3.1.5	Awalan [di]		84
3.3.1.6	Awalan [sɔ]		86

3.3.2	Akhiran	..	...	87
3.3.3	Imbuhan Terbahagi		...	88
3.4	Kesimpulan	..	...	90
NOTA	..	..	..	91

BAB 4

BEBERAPA PROSES FONOLOGI DAN MORFOLOGI

4.1	Proses-Proses Fonologi	...	92
4.1.1	Pengguguran - ɔ	...	92
4.1.2	Penyisipan - ɔ	...	96
4.1.3	Metatesis	..	97
4.1.4	Nasalisasi	..	100
4.1.5	Palatalisasi dan Labialisasi		105
4.1.6	Penyisipan Glotis	...	109
4.2	Proses-Proses Morfologi	...	110
4.2.1	Afiksasi(Pengimbuhan)	...	111
4.2.2	Reduplikasi(Pengimbuhan [?])	...	119
4.2.3	Proses Pemendekan Kata	...	123
4.3	Morfofonemik	..	125
4.4	Kesimpulan	..	126
NOTA	...	..	128

BAB 5DNS dan BMS: SEDIKIT PERBANDINGAN

5.1	Pendahuluan	..	...	130
5.2	Konsep Dialek dan Bahasa Standard			131
5.3	Perbandingan Antara DNS dan BMS			133
5.3.1	Fonologi	..	...	133
5.3.1.1	Penyebaran Konsonan		...	134
5.3.1.2	Penyebaran Vokal		...	137
5.3.1.3	Urutan Vokal	..	...	140
5.3.2	Morfologi	..	...	143
5.3.3	Kata-Kata Daerah		...	147
NOTA	...	..	...	150

BAB 6

PENUTUP	..	..	...	151
NOTA	...	..	...	156

LAMPIRAN

BIBLIOGRAFI

BAB 2

FONOLOGI

2.0. Definisi

Memang ramai ahli bahasa yang telah memberikan pendapat serta definisi mengenai fonologi. Bagaimanapun, di dalam penulisan ini penulis akan cuba menurunkan beberapa definisi sahaja yang pada pendapat penulis sesuai. Schane (1973), umpamanya, mengatakan bahawa fonologi adalah satu komponen linguistik yang merangkumi bidang yang berkaitan dengan struktur bunyi bahasa. Oleh kerana fonologi merupakan cabang linguistik yang terpenting, maka ia dapat dikatakan sebagai suatu sains yang mengkaji bunyi-bunyi bahasa yang dituturkan di dalam satu-satu bahasa (Hyman, 1975: 1). Seterusnya Peter Ladefoged (1975: 23) pula berpendapat bahawa:

Phonology is the description of the systems and patterns of sounds that occur in a language. It involves studying a language to determine its distinctive sounds and to establish a set of rules that describe the set of changes that take place in

these sounds when they occur
in different relationships
with other sounds.

Daripada beberapa definisi di atas dapatlah di simpulkan bahwa fonologi adalah merupakan bahagian daripada ilmu linguistik yang mempelajari tentang sistem dan pola bunyi-bunyi yang diucapkan dalam atau melalui mulut manusia. Tegasnya, fonologi adalah digunakan dengan maksud kajian mengenai penggunaan bunyi-bunyi dalam satu-satu bahasa tertentu (Trubetzkoy, 1971: 8).

Di dalam kajian ini, penulis akan cuba menyentuh tentang fonetik dan fonologi DNS serentak. Sehubungan dengan ini, akan diterangkan juga mengenai penyebaran fonem-fonem berkenaan di dalam berbagai-bagai kedudukan kata. Di samping itu, akan diuraikan juga tentang bagaimana sesuatu ujaran itu terhasil serta apakah rumus-rumus yang melaksanakan bunyi ujaran itu berstruktur dan tersusun rapi di dalam proses perubahan atau perubahan fonologinya.

Bunyi-bunyi bahasa terdiri daripada vokal dan konsonan (Singh & Singh, 1976: 1). Di dalam DNS terdapat 26 fonem kesemuanya; iaitu 7 fonem vokal dan 20

fonem konsonan, termasuk satu konsonan pinjaman yang masih dikekalkan penggunaannya dalam dialek ini. Selain daripada fonem-fonem konsonan dan vokal, diftong dan urutan vokal juga akan turut disentuh dalam bahagian ini.

2.1. Inventori Konsonan

Konsonan adalah bunyi-bunyi ujaran yang dicirikan berdasarkan sama ada terdapat atau tidaknya penyekatan atau penutupan di satu atau lebih titik di dalam saluran pernafasan (Singh & Singh, 1976).¹ Seperti yang ditegaskan oleh Bloch & Trager (1942: 18) bahawa bunyi-bunyi konsonan terhasil apabila arus udara terganggu atau tersekat seketika. Gangguan ke atas udara yang keluar dari paru-paru dan pada bahagian-bahagian alat ujaran akan menghasilkan bunyi-bunyi yang berbagai dan berlainan. Malah, satu-satu bunyi konsonan itu dinamai mengikut cara ia dihasilkan: plosif, afrikat, frikatif, lateral, nasal dan separuh vokal.²

Seperti yang telah dinyatakan bahawa DNS mempunyai 19 fonem konsonan asli yang produktif dan satu konsonan pinjaman dan bentuk permukaannya dapat di-

kelompokkan sebagaimana yang ditunjukkan di dalam jadual yang disertakan di bawah.³

Sebenarnya, bentuk dasar dan bentuk permukaan untuk bunyi-bunyi konsonan DNS tidaklah begitu berbeza sangat. Bagaimanapun, konsonan frikatif alveolar bersuara 'z' tidak terdapat di dalam pertuturan asli DNS tetapi adalah merupakan konsonan pinjaman yang dikekalkan penggunaannya dalam dialek ini.

JADUAL KONSONAN DASAR DNS

	bila- bial	den- tal	alve- olar	palato- alveolar	pala- tal	velar	glo- tal
plosif	p b		t d			k g	ʔ
afrikat				c j			
lateral		l					
frikatif			s z			ʝ	h
nasal	m	n			ɲ	ŋ	
semi- vokal	w				y		

2.1.1. Plosif

Di dalam dialek ini terdapat empat bentuk konsonan yang distintif sifatnya: plosif bilabial [p, b], plosif alveolar [t, d], plosif velar [k, g] dan glotal [ʔ].

Penjenisan tersebut dilakukan berdasarkan ciri-ciri fitur distintif yang terdapat pada konsonan berkenaan. Mengenai penyebarannya pula, terdapat perbezaan di antara plosif bersuara dengan plosif tak bersuara. Malah, terdapat juga perbezaan penyebaran antara satu jenis plosif dengan satu bentuk plosif yang lain. Bagaimanapun, kesemua bunyi konsonan plosif ini didapati hadir pada lingkungan awal kata dan di tengah kata kecuali plosif [t, p] yang didapati hadir pada semua lingkungan kata. Tidak seperti BMS, glotal dalam dialek ini hanya didapati hadir di posisi tengah dan akhir kata sahaja. Contoh:

[pɔleʔ]	'pelik'
[dapɛʔ]	'dapat'
[sɔdap]	'sedap'
[pɔlɔsɛh]	'pemalas'

[tɔpih]	'tepis'
[putu ^y h]	'putus'
[sɔlit]	'selit'
[kɔli]	'kuali'
[lambɛʔ]	'lambat'
[bɔlon]	'belum'
[sabeʔ]	'sebab'
[gumãh]	'rumah'
[pagy]	'pagi'

Plosif velar [k, g] tidak pernah wujud pada kedudukan akhir kata dalam dialek ini. Bagi plosif velar [k], jika kedudukannya pada kata dasar di akhir kata, maka apabila direalisasikan ke dalam dialek ini, ia akan berubah menjadi hentian glotal [ʔ].
Misalnya:

/pelik/	[pɔleʔ]
/ceŋdik/	[cɔdeʔ]
/putik/	[puteʔ]
/boŋek/	[buŋeʔ]

Malah, glotal 'ʔ' akan tetap dikekalkan walaupun setelah menerima imbuhan 'an' bagi maksud katakerja.⁴ Perhatikan

contoh-contoh berikut:

/ambe? - an/	[^h ambe?an]	'ambilkan'
/pote? - an/	[^h pote?an]	'petikkan'
/loke? - an/	[^h loke?an]	'lekatkan'
/lambɛ?- an/	[^h lambɛ?an]	'lambatkan'

Begitu juga dengan konsonan plosif bersuara [^hb, d] tidak pernah hadir di kedudukan akhir kata sama ada di dalam bahasa standard mahupun dialek bukan-standard (Asmah Hj. Omar, 1977: 7).

Perubahan Konsonan Plosif

$$a) \quad k \longrightarrow ? / - \left\{ \begin{array}{l} \# \\ v \end{array} \right\}$$

Sebagaimana plosif bersuara [^hb, d], plosif velar bersuara [^hg] juga tidak pernah direalisasikan di posisi akhir kata dialek ini. Untuk kata pinjaman [^hbɛg] 'bag', para penutur dialek ini mengucapkannya sebagai [^hbet].

Satu perkara yang aneh berlaku dalam dialek ini ialah mengenai ketidak-hadiran konsonan plosif bersuara [^hb, d, g] dalam kata-kata yang trisilabik. Ini

termasuklah kata-kata akar yang bisilabik yang menjadi trisilabik setelah menerima imbuhan mɔN atau pɔN. Sila perhatikan contoh-contoh berikut:

/mɔm-boli/	[m̃ɔm̃ɔli]	'membeli'
/mɔn-dapɛʔ/	[m̃ɔñäpɛʔ]	'mendapat'
/mɔŋ-gulai/	[m̃ɔŋ̃ulai]	'menggulai'
/pɔm-bawa/	[p̃ɔm̃äwäʔ]	'pembawa'
/pɔn-datəŋ/	[p̃ɔñätaŋ]	'pendatang'
/pɔŋ-gali/	[p̃ɔŋ̃äli]	'penggali'

Kata akar yang trisilabik juga tidak membenarkan konsonan nasal dan plosif yang sefitur hadir bersama dalam kata, seperti:

[sɔm̃ilu]	'sembilu'
[sɔm̃ajaŋ]	'sembahyang'
[sɔm̃ilan]	'sembilan'
[sɔm̃ilaŋ]	'sembilang'

Rumus bagi perubahan plosif 'b' bagi kata-kata yang trisilabik dapat dituliskan sebagai berikut:

$$b) \quad b \longrightarrow \emptyset / m _$$

2.1.2. Afrikat

Konsonan-konsonan afrikat [c, ʃ]

juga tidak pernah wujud atau hadir di posisi akhir kata dalam dialek ini. Malah, dalam BMS juga begitu kecuali bagi kata-kata pinjaman seperti Mac, inej, kolej dan seumpamanya. Dalam dialek ini, kata-kata pinjaman seperti ini tidak pernah digunakan.

Di posisi awal kata, konsonan-konsonan ini terpakai pada kata-kata seperti [ʃaʃom], [cuʃi?], [ʃalo], [caŋko] dan lain-lain. Bagi [ʃ] apabila kedudukannya di tengah kata, ia biasanya didahului oleh konsonan nasal [ɲ] atau mana-mana vokal. Misalnya:

[(bo)goʃit]	'wajik'
[mõsoʃit]	'mesjid'
[paŋʃaŋ]	'panjang'
[paŋʃɛ?]	'panjat'

Begitu juga dengan konsonan [c], terpakai pada kata-kata seperti [paŋco] 'panca', [kaŋcah] 'kancah', [kaco] 'kaca', [poŋce] 'pencil', [kuŋci] 'kunci', [kuci] 'kuaci' dan lain-lain lagi.

Perlu ditegaskan lagi bahawa afrikat $[c, ʃ]$ hanya hadir di posisi awal kata dan di tengah kata sahaja, dan tidak pernah wujud di akhir kata. Perkataan pinjaman Mac tidak pernah diucapkan, sebaliknya digunakan $[ˈbulan \text{ tigo}]$, atau kadang-kadang digunakan bulan Islam. Begitu juga kata kolej digunakan $[ˈmaʔtap]$ dan bej pula digunakan $[ˈloŋcan]$.

2.1.3. Nasal

Dalam dialek ini terdapat empat jenis konsonan nasal yang berbeza dari segi daerah artikulasinya: bilabial $[m]$, alveolar $[n]$, palatal $[ɲ]$ dan velar $[ŋ]$. Kesemua konsonan nasal ini adalah bersuara dan velik diturunkan menutup rongga mulut agar udara keluar melalui rongga hidung apabila ia dihasilkan.

Kesemua nasal $[m, n, ŋ]$ didapati hadir di semua posisi kata kecuali bunyi palatal $[ɲ]$ yang hanya tidak boleh wujud di akhir kata. Di dalam dialek ini juga didapati bahawa konsonan-konsonan m, n dan ŋ tidak boleh hadir bersama dengan konsonan lain yang sefitur dengannya sama ada kehadirannya di dalam akar kata yang trisilabik ataupun kata yang trisilabik

yang telah menerima imbuhan mon. Dengan kata lain, dalam kata-kata yang trisilabik sama ada kata akar atau yang telah mengalami proses afiksasi, konsonan yang mengikuti konsonan nasal akan lebur. Tegasnya, jika 'b' mengikuti 'm', 'g' mengikuti 'ŋ', maka 'b' dan 'g' akan gugur. Begitu juga 'd' akan gugur apabila ia didahului oleh nasal 'n'. Perhatikan contoh-contoh berikut:

/mon - dapɛ?/	[mɔ̃nãpɛ?]	'mendapat'
/mon - data/	[mɔ̃nãta]	'mendatar'
/moŋ - gali/	[mɔ̃ŋãli]	'menggali'
/moŋ - gunung/	[mɔ̃ŋũnũŋ]	'menggungung'
/mom - bɔli/	[mɔ̃mɔ̃li]	'membeli'
/mom - bawa/	[mɔ̃mãwa?]	'membawa'

Bagaimanapun, gejala seperti ini tidak pula timbul dalam kata-kata yang bisilabik seperti:

[ãmbe?]	'ambil'
[tamboh]	'tambah'
[paŋge]	'panggil'
[bondɔ]	'benda'

Sebenarnya, hal ini telah pun dibincangkan dalam ceraian

2.1.1. ketika dibincangkan mengenai plosif.

Satu lagi perkara yang agak aneh ialah penggunaan nasal [̃n] di posisi akhir kata bagi menggantikan /m/ yang dalam bentuk dasarnya didahului oleh vokal tinggi depan [i] seperti dalam kata-kata:

/malim/	[̃mälən]	'malim'
/kasim/	[̃käsən]	'Kasim' - nama orang
/kiyim/	[̃kiyən]	'kirim'
/mim/	[̃min]	'mim' - nama huruf jawi

Perubahan bunyi nasal velar 'ŋ' kepada bunyi nasal alveolar 'n' juga berlaku dalam dialek ini terutama apabila bunyi itu diikuti oleh bunyi frikatif alveolar 's'. Dengan kata lain, bunyi dasar 'ŋ' berubah menjadi 'n' apabila ia diikuti oleh konsonan 's'. Lihat contoh-contoh berikut:

/baŋsa/	[̃bãnsɔ]
/baŋsal/	[̃bãnsa]
/boŋsu/	[̃bũnsu]
/laŋsiy/	[̃lãnse]
/aŋsa/	[̃ãnsɔ]

Rumus bagi perubahan bunyi-bunyi nasal seperti yang telah

dibicarakan di atas dapat dirumuskan sebagai berikut:

Perubahan Bunyi Nasal

a) /m/ $\longrightarrow$ n/i $\neq$

b) /ŋ/ $\longrightarrow$ n/ $\neq$ s

2.1.4. Lateral

Konsonan lateral [l] didapati hadir hanya di posisi awal kata dan juga di tengah kata. Ia digugurkan jika kedudukannya di akhir kata dalam kata dasar. Contoh:

[sambe]	'sambil'
[kapa]	'kapal'
[lambe?]	'lambat'
[malam]	'malam'
[pole?]	'pelik'

Bagaimanapun, jika 'l' didahului oleh vokal depan tinggi 'i' sebelum di akhir kata, ia akan berubah menjadi hentian glotal [ʔ]. Misalnya:

/ambil/ [ambeʔ]

/ambil - an/	[[~] ambeʔan]
/kecil/	[[~] kociʔ]
/kecil - an/	[[~] kociʔan]

Dalam pada itu pun terdapat juga /l/ di awal kata berubah menjadi [[~]g] dalam dialek ini, seperti dalam [[~]goʔai] 'lerai'. Rumus untuk ini agak sukar hendak diperturunkan. Namun demikian, rumus perubahan /l/ untuk yang terdahulu dapat dihasilkan sebagaimana berikut:

Perubahan Bunyi Lateral

a) /l/ → ø/ — #

b) /l/ → ʔ/i — #

2.1.5. Frikatif

Sebenarnya frikatif velar [[~]ɣ]

hanya wujud di posisi tengah kata sahaja seperti dalam:

[[~] boʔɛʔ]	'berat'
[[~] poʔit]	'perit'
[[~] ceʔɛʔ]	'cerek'
[[~] so [~] oʔit]	'puan' - dulang berkaki

Sebenarnya velar $[\gamma]$ adalah bersepadanan dengan bunyi $[r]$ dalam BMS. Ada kalanya didapati bahasa dalam BMS konsonan velar ini tidak dibolehkan wujud bersama dengan konsonan lain. Untuk mengelakkan daripada berlakunya gejala ini maka disisipkan vokal $[\ə]$. Misalnya:

/kərbau/	$[\text{kə}\gamma\text{əbau}]$
/kərdas/	$[\text{kə}\gamma\text{ədas}]$
/kərtas/	$[\text{kə}\gamma\text{ətas}]$
/mərsinj/	$[\text{mə}\gamma\text{əsənj}]$

Rumus Penyisipan $[\ə]$

$\emptyset \longrightarrow \text{ə} / \gamma _$

Sebaliknya, dalam DNS gejala seperti ini tidak berlaku. Ini adalah kerana konsonan velar $[\gamma]$ digugurkan. Lihat contoh berikut:

/kɔɣɔbau/	$[\text{k}\text{ɔ}\text{ɔbau}]$	'kerbau'
/kɔɣɔtɛh/	$[\text{k}\text{ɔ}\text{tɛh}]$	'kertas'
/kɔɣɔdɛh/	$[\text{k}\text{ɔ}\text{dɛh}]$	'kerdas'
/mɔɣɔbok/	$[\text{m}\text{ɔ}\text{bo?}]$	'merbuk'
/mɔɣɔsənj/	$[\text{m}\text{ɔ}\text{sənj}]$	'mersing'

Jika pada kata dasar velar /ɣ/ wujud pada kedudukan awal kata, maka dalam dialek ini, ia direalisasikan sebagai plosif velar [ɣ] seperti pada contoh berikut:

/ɣamai/	[ɣamāi]	'ramai'
/ɣumah/	[ɣumāh]	'rumah'
/ɣambut/	[ɣambut]	'rambut' atau 'rambutan'
/ɣuntuh/	[ɣuntuh]	'runtuh'

Rumus Perubahan Velar [ɣ]

$$a) \quad /ɣ/ \longrightarrow \text{g/} \neq \text{—}$$

Apabila velar [ɣ] hadir di kedudukan tengah kata pada kata dasar, maka ia tetap direalisasikan sebagai bunyi [ɣ] dalam dialek ini, seperti:

/aɣaŋ/	[aɣaŋ]	'arang'
/kaɣaŋ/	[kaɣaŋ]	'sekarang'
/baɣaŋ/	[baɣaŋ]	'barang'
/buɣoŋ/	[buɣoŋ]	'burong'

Bagi proses 'pemantapan', yakni pengekatan bunyi daripada bentuk dasar kepada bentuk fonetik seperti contoh-contoh

tersebut, dapat dihasilkan rumusnya sebagai berikut:

$$b) \quad /ʃ/ \longrightarrow ʃ / \neq (K)V _ V$$

2.1.6. Frikatif Alveolar

Seperti dalam BMS, DNS juga mempunyai konsonan jenis ini, iaitu [s] dalam bentuk permukaannya dan didapati hadir hanya di posisi awal dan di tengah kata sahaja. Misalnya:

[soʃam]	'seram'
[salen]	'salin'
[kaso]	'kasa'
[busoʔ]	'busok'

Kehadiran konsonan 's' di tengah kata biasanya dilingkungi oleh dua vokal melainkan jika dalam bentuk dasarnya ia didahului oleh nasal velar [ŋ], maka dalam dialek ini ia direpresentasikan sebagai nasal [n] seperti yang telah disentuh dalam ceraiian 2.1.3.

Bagaimanapun, dalam dialek ini /s/ pada bentuk dasar terutama pada kedudukan akhir kata

berubah menjadi frikatif glotal 'h'. Perhatikan contoh:

/habis/	[^h abih]
/malas/	[^h mālɛh]
/gas/	[gɛh]
/kobis/	[^h kubih]

Namun demikian, kata pinjaman 'bas' tidak pula diucapkan sebagai [^hbɛh] tetapi [^hba^yh]; yakni vokal 'a' tidak pula berubah menjadi vokal 'ɛ' sepertimana contoh-contoh di atas. Jadi, tanpa mengambil kira gejala ini, dapat dirumuskan:

Perubahan - s

/s/ → h/ — //

2.1.7. Hentian Glotis

Dalam dialek ini didapati hentian glotis [^hʔ] berperanan sebagai pengganti konsonan 'k' terutama di kedudukan akhir kata pada bentuk dasarnya. Ia juga menjadi pengganti kepada konsonan 'l' apabila ia didahului oleh vokal tinggi [^hi]. (Lihat ceraian 2.1.4.)

Rumus Perubahan - k

/k/ → ?/ — ~~/~~

Hentian glotis juga direalisasikan dalam pengucapan dialek ini terutama antara dua vokal dalam struktur kata KVVK. Dengan kata lain, berlaku penyisipan glotal [ʔ]. Misalnya:

[máʔáp]	'maaf'
[suʔon]	'suun'
[piʔe]	'feel'
[náʔẽh]	'nahas'

Rumus untuk penyisipan glotis ini, selain daripada yang diberikan, tidak dapat diperturunkan kerana proses penyisipannya tidak begitu teratur.

2.1.8. Frikatif Glotal

Dalam dialek ini 'h' tidak pernah wujud pada kedudukan awal kata, melainkan pada kata-kata yang monosilabik yang didapati mengekalkan penggunaan 'h' di awal kata seperti dalam kata-kata [haʔ] 'hak', [ha]

'hal'. Malah, 'h' juga gugur pada kata-kata yang berstruktur KVKV seperti $\left[\text{m}^{\text{h}} \text{a}^{\text{h}} \text{u} \right]$ 'mahu', $\left[\text{t}^{\text{h}} \text{a}^{\text{h}} \text{u} \right]$ 'tahu' dan seumpamanya. Walau bagaimanapun, 'h' akan dikekalkan dalam keadaan:

$$/h/ \longrightarrow h/V_i - V_i \quad \text{di mana } i = i$$

Misalnya, $\left[\text{m}^{\text{h}} \text{a}^{\text{h}} \text{a} \right]$ 'mahal', $\left[\text{t}^{\text{h}} \text{a} \text{h} \text{a} \right]$ 'Taha' (nama orang). 'h' di kedudukan akhir kata dalam dialek ini memang agak produktif penggunaannya. Ini adalah kerana /s/ di posisi akhir kata pada kata dasar juga direalisasikan sebagai 'h' dalam dialek ini. Hal ini juga telah disentuh pada ceraian 2.1.5.

Dari perbincangan mengenai 'h' ini, bolehlah dirumuskan perubahan dari BMS kepada DNS sebagai berikut:

i) h - gugur:

$$h \longrightarrow \emptyset / \# -$$

ii) h - kekal:

$$h \longrightarrow h \left/ \left\{ \begin{array}{l} V_i - V_i \\ - \# \end{array} \right\} \right.$$

Seperti yang telah dinyatakan bahwa 'h' tidak dibenarkan hadir di awal kata dalam dialek ini. Malah, 'h' yang hadir pada awal kata kata dasar juga tidak dibenarkan sekalipun setelah kata dasar diimbuhkan dengan awalan mON mahupun pON, malah dengan imbuhan di juga begitu keadaannya. Perhatikan contoh:

/habis/	[<u>abih</u>]	'habis'
/di-habis/	[<u>diyabih</u>]	'dihabis'
/mɔŋ-habis-an/	[<u>mɔŋãbiyan</u>]	'menghabiskan'
/pɔŋ-habis-an/	[<u>pɔŋãbiyan</u>]	'penghabisan'
/hantaɣ/	[<u>anta</u>]	'hantar'
/mɔŋ-hantaɣ/	[<u>mɔŋãanta</u>]	'mengantar'
/di-hantaɣ/	[<u>diyanta</u>]	'dihantar'
/hilanɣ/	[<u>ilanɣ</u>]	'hilang'
/di-hilanɣ/	[<u>dilanɣ</u>]	'dihilang'
/mɔŋ-hilanɣ/	[<u>mɔŋãilanɣ</u>]	'menghilang'

Daripada beberapa contoh di atas didapati bahawa terdapat atau berlaku pengguguran vokal [i] apabila di diimbuhkan dengan kata-kata berawalkan vokal 'i'; dan penyisipan separuh vokal [y] antara prefiksa di dengan kata akar yang berawalkan fonem-fonem vokal selain daripada vokal depan tinggi [i].

Pengguguran satu 'i' adalah wajib bagi mengelakkan dua bunyi yang homoganik atau yang sama hadir berdampingan.

2.1.9. Separuh Vokal

Dalam bahasa Melayu bunyi-bunyi [w] dan [y] bukanlah bunyi-bunyi glide laryngeal (Mastura Anuar, 1978/1979). Sebaliknya, bunyi-bunyi ini lebih dikenali sebagai separuh vokal. Tambahan pula, di dalam proses artikulasinya, ia tidak mengalami sebarang halangan, tetapi adalah sama seperti menghasilkan bunyi-bunyi vokal.

Dalam dialek ini, w dan y didapati hadir di awal kata dan juga di tengah kata. Malah, keduanya juga digubakan sebagai penanda geluncuran atau lebih tepat lagi sebagai penanda proses palatalisasi. 'y' dilambangkan secara fonetiknya sebagai [j].

Perhatikan contoh-contoh ini:

[wajaŋ]	'wayang'
[kajɔ]	'kaya'
[jaŋ]	'yang'
[bawah]	'bawah'

[bulu ^y h]	'bolos'
[ku ^y u ^y h]	'kurus'
[bo ^y o ^y h]	'boros'
[du ^w o]	'dua'
[di ^y o]	'dia'
[tu ^w o]	'tua'

[w] juga disisipkan terutama apabila imbuhan nominal an pada kata akar yang berakhiran vokal tinggi belakang [u], dan [y] pula apabila kata akar yang berakhiran vokal depan tinggi [i] seperti:

[bantuwan]	'bantuan' x
[boliyan]	'belian' x
[guwan]	'haruan'

'w' juga terdapat dalam struktur kata seperti [su^yaw] 'surau', [kaw] dan seumpamanya. Dalam hal ini, 'aw' di penutup kata diucapkan sebagai diftong [au].

Dalam dialek ini juga didapati bahawa [y] dan [w] sering hadir di antara bunyi-bunyi vokal yang homoganik sifatnya. Ia bertujuan untuk mengelakkan daripada berlakunya dua bunyi vokal yang

berdekatan. Misalnya:

/di-ulam/	[diyulam]	'diulam' ? x
/di-ambe?/	[diyambe?]	'diambil'
/pakai-an/	[pakayan]	'pakaian'

Oleh kerana kedua-dua fonem ini tidak wujud di posisi akhir kata baik di peringkat dasar mahupun di peringkat permukaannya(fonetik), penyebarannya dalam struktur kata tidaklah begitu luas. Memang sudah menjadi kelaziman bahawa kedua-duanya hadir pada kedudukan awal kata dan di tengah kata. Malah, dalam BMS pun begitu, cuma kehadirannya tidaklah seproduktif fonem-fonem lain.

2.2. Konsonan Pinjaman

Dalam usaha memperkayakan serta memperkembangkan bahasa Melayu banyak terdapat kata-kata pinjaman yang diambil langsung dari bahasa asing khususnya bahasa Inggeris. Dengan adanya kata-kata pinjaman ini, wujudlah konsonan-konsonan baru dalam bahasa Melayu. Kata-kata seperti universiti, faktor, vokal sudah menjadi lumrah dalam pertuturan masyarakat Melayu hari ini. Malah

konsonan pinjaman dari bahasa Arab seperti [θ] dalam [θalaθa], [z] untuk 'zalim', [f] untuk 'nafas', [ɣaep] 'ghaib', [xatam] 'khatam' dan sebagainya sudah menjadi seolah-olah kata-kata kepunyaan masyarakat Melayu.

Kebanyakan konsonan pinjaman daripada bahasa Inggeris mahupun bahasa Arab biasanya disesuaikan dengan sistem fonologi BMS. Dalam DNS juga jelas kedapatan penyesuaian fonologinya sebagai berikut:

<u>Kata Pinjaman</u>	<u>DNS</u>
[xatam]	[kotam]
[ɣaep]	[gaep] ⁵
[šayət]	[saɣɛʔ]
[fikeɣ]	[pike]
[iθnen]	[sonāyən]
[yunivəsitɪ]	[yunibositi]
[zaman]	[ʝɔmən]

Dalam proses penyesuaian fonologi dalam dialek ini, maka perubahan berikut berlaku:

$$\begin{array}{lcl}
 [x] & \longrightarrow & [k] \\
 \left\{ \begin{array}{l} [\check{s}] \\ [\theta] \end{array} \right\} & \longrightarrow & [s]
 \end{array}$$

$$\begin{array}{lcl} [f] & \longrightarrow & [p] \\ [v] & \longrightarrow & [b] \\ [z] & \longrightarrow & [j] \end{array}$$

Bagaimanapun, konsonan 'z' tidak seluruhnya berubah menjadi 'j' dalam dialek ini. Terdapat umpamanya, kata-kata khususnya dari bahasa Arab yang dikekalkan penggunaannya, seperti zina. Untuk kata zakat pula diucapkannya sebagai [ʔokeʔ] dan ada juga yang mengucapkannya sebagai [ʔokat]. Begitu juga dengan kata zalim, ada yang mengucapkannya sebagai [ʔolem] dan ada pula yang menyebutnya sebagai [ʔalem]. Namun demikian, terdapat juga 'z' diubahkan penggunaannya kepada 'l' dan 'd', seperti:

$$\begin{array}{ll} /zikiʔ/ & [dike] \\ /zahiʔ/ & [lae] \text{ atau } [lahe] \\ /zuhuʔ/ & [lu^wo] \text{ atau } [luho] \end{array}$$

Oleh kerana perubahan untuk 'z' ini tidak tetap, maka agak sukar juga untuk diperturunkan rumus mengenainya.

Sebagai kesimpulan dapatlah dirumuskan bahawa penutur dialek ini lebih suka dan berkecenderungan untuk menyesuaikan fonologi bahasa asing dengan fonologi

dialeknya sendiri, berbanding dengan para penutur BMS yang lebih suka mengekalkan penyebutan asal(asli) kata-kata pinjaman tersebut.

2.3. Inventori Vokal


Vokal ialah bunyi-bunyi bahasa yang apabila dihasilkan, udara dari paru-paru keluar melalui rongga mulut tanpa sebarang gangguan atau geseran yang kuat(Jones, 1956: 23). Ini ditegaskan pula oleh Bloomfield (1935: 102):

Vowels are modifications of the voice-sound that involve no closure, friction, or contact of the tongue or lips.

Tambahan pula ketika ia dihasilkan velik (anak tekak) dinaikkan bagi menutup rongga hidung agar tidak kedengaran seperti sebarang bunyi nasal. Asmah Hj. Omar(1977: 20) pula mengatakan bahawa sistem vokal dalam bahasa standard dan sebahagian besar dari dialek-dialek Melyu di peringkat bukan standard, terdiri dari vokal kardinal. Ini termasuklah DNS sendiri.

Di dalam dialek ini tidak terdapat

vokal tengah atau pepet [ə]. Oleh hal yang demikian, di dalam dialek ini cuma ada 7 jenis vokal sahaja vokal utama, iaitu 4 vokal depan: [i], [e], [ɛ] dan [a]; dan 3 vokal belakang: [u], [o] dan [ɔ]. Di samping vokal-vokal utama ini terdapat juga vokal-vokal sengau yang dihasilkan melalui proses nasalisasi. Kedudukan vokal utama DNS dapat dirajahkan sebagaimana berikut:⁶



Vokal-vokal tersebut adalah dinamai mengikut cara artikulasinya, iaitu berdasarkan kedudukan dan bahagian mana lidah yang berperanan ketika satu-satu bunyi vokal itu dihasilkan. Dengan kata lain, faktor-faktor berikut adalah diambil kira apabila menamai satu-satu vokal (Lutfi Abas, 1972: 52).

- i. depan atau belakang lidah (maksudnya: bahagian depan atau lidah belakang yang tertinggi dinaikkan waktu sesuatu vokoid diucapkan;
- ii. tinggi atau rendah lidah itu dinaikkan waktu sesuatu vokoid diucapkan;
- iii. bundar atau tidak bibir waktu sesuatu vokoid diucapkan.

Seperti yang telah dinyatakan terdahulu bahawa vokal tengah [ə] memang tidak pernah wujud di dalam mana-mana kata atau pertuturan dialek ini baik di kedudukan awal kata, di tengah kata mahupun di akhir kata. Ini adalah kerana ia direalisasikan dalam bentuk vokal lain, iaitu vokal separuh rendah belakang [ɔ̃]. Namun begitu, jika vokal ini hadir pada awal kata biasanya ia digugurkan. Dengan kata lain, penggunaan vokal [ɔ̃] di kedudukan awal kata adalah opsional. Sila perhatikan contoh-contoh berikut:

<u>DNS</u>	<u>BMS</u>	
[(ɔ̃)mãʔ]	[əmãʔ]	'emak'
[(ɔ̃)nãm]	[əñãm]	'enam'
[(ɔ̃)mpɛʔ]	[əmpat]	'empat'
[(ɔ̃)mpap]	[(h)əmpap]	'hempap'
[(ɔ̃)ntah]	[əntah]	'entah'

Kedua-dua jenis vokal tinggi [i, u] didapati hadir di semua posisi kata. Di dalam DNS terdapat ketidakseragaman penggunaan vokal [i] dan [u] terutama bagi kata-kata bisilabik yang berstruktur KVKVK. Jika kata dasar menggunakan vokal depan tinggi pada kedua-dua suku-kata dan apabila direalisasikan ke dalam dialek ini, maka vokal pada sukukata kedua akan mengalami proses penurunan (lowering) vokal. Dengan kata lain, jika vokal [i] digunakan pada kedua-dua sukukata dalam kata dasar, maka vokal [i] pada sukukata kedua akan berubah menjadi vokal [e] apabila kata berkenaan diucapkan dalam dialek ini. Misalnya:

/pilih/	[pileh]	'pilih'
/sisih/	[siseh]	'sisih'
/lilin/	[lilen]	'lilin'
/hiliy/	[ile]	'hilir'

Sebaliknya, jika kata dasar yang bisilabik dan berakhir dengan konsonan letupan tak bersuara [p] atau [t] menggunakan vokal [u] pada kedua-dua sukukata, maka penggunaannya di dalam dialek ini akan dikekalkan. Perhatikan contoh-contoh berikut:

/mulut/	[m̃ulut]
---------	----------

/tutup/	┌tutup┐
/lutut/	┌lutut┐
/susup/	┌susup┐

Sekiranya kata dasarnya berakhir dengan konsonan 's' maka vokal dalam sukukata kedua itu akan mengalami proses geluncuran, seperti dalam ┌kuʏuʏh┐ 'kurus', ┌luʏuʏh┐ 'lurus', ┌buluʏh┐ 'bolos' dan lain-lain. Malah, semua vokal /u/ dalam sukukata kedua tanpa mengira vokal apa yang hadir pada sukukata pertama, vokal /u/ akan tetap mengalami geluncuran apabila ia diucapkan dalam dialek ini, umpamanya ┌aʏuʏh┐ 'haus' atau 'harus', ┌poncaʏuʏh┐ atau ┌poncauʏh┐ 'pencaus'.

Bagaimanapun, terdapat juga proses penurunan vokal berlaku pada vokal sukukata kedua kata dasar apabila direalisasikan ke dalam dialek ini. Contoh:

/kulum/	┌kulom┐
/hukum/	┌hukom┐
/susun/	┌suson┐
/guʏuh/	┌guʏoh┐

Terdapat juga beberapa perkara yang

menarik dalam dialek ini. Kehadiran vokal tinggi [i] di sukukata kedua pada kata dasar telah membawa perubahan kepada konsonan 'l' dan 'k' dalam fonologi DNS. Tegasnya, bunyi yang pada dasarnya mengambil konsonan 'l' pada akhir kata menjadi hentian glotal [ʔ]. (Hal ini telah pun dibincangkan dalam ceraiian 2.1.4.). Begitu juga dengan bunyi 'k' berubah menjadi glotal juga di akhir kata.

Vokal-vokal [o] dan [e] didapati tidak begitu produktif dan hanya didapati hadir pada posisi akhir kata sahaja. Misalnya:

[pike]	'fikir'
[puko]	'pukul'
[gige]	'gigil'
[buleh]	'boleh'
[pɔloʔ]	'peluk'

Terdapat juga vokal [o] direpresentasi dasar direalisasikan sebagai [u] dalam dialek ini terutama selepas konsonan di sukukata pertama kata. Misalnya:

/lobaŋ/	[lubaŋ]	'lobang'
/ʋoti/	[guti]	'roti'

/topi/	[tupi_]	'topi'
/kobis/	[kubih_]	'kobis'
/koyak/	[kuja?_]	'koyak'

Pasangan vokal [ɛ, ɔ] didapati paling produktif dalam dialek ini dan didapati hadir pada semua kedudukan kata.

[ɛlɔ?_]	'elok'	[basɔ_]	'biasa'
[ɔʔaŋ_]	'orang'	[tɔlɔ_]	'tualala'
[gɛlɛ?_]	'gelek'	[kɔsɛ?_]	'kosek'
[bɛsɔ?_]	'esok'	[ɔcɛh_]	'mungkir janji'

Daripada beberapa contoh di atas, jelas menunjukkan bahawa e-taling di representasi dasar berubah menjadi vokal [ɛ] dalam dialek ini. Begitu juga dengan vokal /o/ diucapkan sebagai [ɔ]. Umpamanya, kata 'orang' diucapkan sebagai [ɔʔaŋ_], 'elok' diucapkan sebagai [ɛlɔ?_]. Malah, seperti yang telah dinyatakan terdahulu bahawa vokal [ə] di representasi dasar akan berubah menjadi [ɔ].

Perubahan [ə]

/ə/ → [ɔ]

Bahkan, vokal [a] di kedudukan akhir kata pada kata dasar berubah menjadi [ɔ] dalam dialek ini.

/biasa/	[bɛsɔ]	'biasa'
/lada/	[ladɔ]	'lada'
/apa/	[apɔ]	'apa'
/kata/	[katɔ]	'kata'

Sebenarnya, bunyi [a] di posisi akhir kata diucapkan sebagai [ə] dalam BMS, seperti dalam kata-kata:

[ladə]	'lada'
[siyapə]	'siapa'
[masəŋə]	'masanya'

Walau bagaimanapun, vokal [a] pada kata dasar khususnya di kedudukan akhir kata, ada juga yang dikekalkan penggunaannya, umpamanya [bola] 'bola', [wanita] 'wanita'. Pendeknya, dari sini jelas menunjukkan seolah-olah ia meniru bentuk kata BMS. Jika dalam BMS vokal 'a' di akhir kata dibunyikan sebagai [a], maka dialek ini pun begitu juga.

Rumus Perubahan [a]

/a/ → ɔ/ — #

Malah, vokal [a] selepas konsonan awal di sukukata pertama kata dasar berubah menjadi vokal [o]. Lihat contoh:

/badan/	[ˈbodaŋ]	'badan'
/tamat/	[ˈtomaʔ]	'tamat'
/xabaʔ/	[ˈkoba]	'khabar'
/xatam/	[ˈkɔtaŋ]	'khatam'
/kadim/	[ˈkɔdɛŋ]	'kadim'
/zaman/	[ˈʒɔmaŋ]	'zaman'

Namun demikian, terdapat juga vokal [a] di sukukata kedua kata dasar menjadi vokal [o] dalam dialek ini, umpamanya kata 'tambah' diucapkan sebagai [ˈtamboŋ].⁷

Seperkara lagi yang menarik dalam dialek ini ialah ketidakhadiran urutan vokal /ia/ dan /ua/ dalam bentuk pengucapan penutur dialek ini. Kata-kata dasar yang mengandungi urutan vokal /ia/ dan /ua/ masing-masing akan menjadi [ɛ] dan [o] dalam dialek ini. Lihat contoh:

/biasa/	[ˈbɛso]
/biawak/	[ˈbɛwaʔ]
/biawas/	[ˈbɛweh]

/buaya/	[ˈbojɔ]
/kuala/	[ˈkolɔ]
/tualala/	[ˈtolɔ]
/kuali/	[ˈkoli]

Bahkan, diftong /ai/ yang pada dasarnya hadir di suku-kata pertama juga direalisasikan sebagai vokal [ɛ], seperti dalam kata [ˈaɣan] 'hairan', [ˈtəpəŋ] 'taiping'. Namun demikian, 'siapa' diucapkan sebagai [ˈsapɔ], 'niaga' sebagai [ˈŋagɔ]. Oleh kerana perubahannya tidak berapa sekata, maka agak sukar hendak dihasilkan rumus mengenai-nya.

Selain daripada itu, kata akar yang berawalkan vokal apabila diimbuhkan dengan awalan [tɔ] 'ter' atau [bɔ] 'ber', maka akan kedapatan berlakunya penyisipan [g] seolah-olah dialek ini tidak mengizinkan kehadiran gugusan atau urutan vokal. Perhatikan contoh:

/bɔ - aɣaʔ/	[ˈbogaɣaʔ]	'berarak'
/bɔ - ama/	[ˈbogamã]	'beramal'
/bɔ - ujan/	[ˈboguj̃an]	'berhujan'
/tɔ - antok/	[ˈtogantoʔ]	'terantuk'
/tɔ - inai/	[ˈtɔginãi]	'terinai'

/tɔ - ubek/	[ˈtɔgubɛʔ]	'terubat'
/bɔ - itam/	[ˈbɔgitam]	'berhitam'

Berdasarkan contoh-contoh di atas serta huraian-huraian mengenai urutan vokal sama ada /ia/ mahupun /ua/ , dapatlah ditegaskan bahawa dalam dialek ini memang tidak membenarkan gugusan vokal. Pembicaraan lanjut mengenainya akan dibuat di dalam Bab 4 nanti.

Di antara vokal-vokal yang telah disentuh di atas, vokal rendah [a] boleh ditemui dalam mana-mana posisi kata dalam dialek ini. Ini adalah kerana ia dapat disesuaikan dengan mana-mana bunyi konsonan. Bunyi dasar /a/ sama ada di kedudukan awal kata, tengah mahupun di akhir kata yang diucapkan sebagai [a] dalam BMS, dalam dialek ini diucapkan sebagai [a] juga.

Misalnya:

<u>Dasar</u>	<u>DNS</u>	<u>BMS</u>
/ada/	[adɔ]	[adə]
/abar/	[abar]	[abar]
/bola/	[bola]	[bola]
/kakak/	[kakaʔ]	[kakaʔ]
/wanita/	[wanita]	[wanita]

Sekiranya dalam BMS fonem 'a' di kedudukan akhir kata diucapkan sebagai bunyi vokal [ə], maka bunyi [a] akan diucapkan sebagai bunyi vokal [ɔ].

Dalam bab ini telah pun disentuh mengenai fonologi DNS, iaitu termasuk sistem konsonan, vokal, konsonan pinjaman dan juga urutan vokal. Diftong seperti [ai], [oi] dan [au] memang sengaja tidak disentuh kerana kewujudannya serta pemakaiannya adalah sama seperti yang terdapat dalam BMS. Mengenai perubahan bunyi-bunyi vokal mahupun konsonan akan dibicarakan dalam Bab 4 nanti, iaitu apabila dihuraikan tentang proses fonologi dialek ini.

NOTA

1. David Abercrombie (1967: 71) mendefinisikan konsonan sebagai segmen bagi sukukata.
2. Trill 'r' tidak ada di dalam dialek ini sama di representasi dasar mahupun di representasi fonetiknya.
3. Jadual tersebut adalah dipadankan dari rajah atau jadual Konsonan Melayu oleh A Bakar Hamid, dalam Abdullah Hassan(1978: 55).
4. Dalam dialek ini, akhiran kan tidak wujud sama ada di representasi dasar mahupun di representasi fonetiknya. Sebaliknya, digunakan an sahaja sama ada bagi menunjukkan maksud kata kerja mahupun kata nominal.
5. Untuk kata [gaep] 'ghaib', ada setengah penutur mengucapkannya sebagai [gaep] dan ada pula mengucapkannya sebagai [goep].
6. Rajah kedudukan vokal utama DNS tersebut disesuaikan dari rajah kedudukan vokal oleh Yunus Maris (1980: 32) dan juga oleh Singh dan Singh (1976: 56).
7. Kata ini adalah diambil terus dari kata Minangkabau [tamboh] dan dikekalkan penggunaannya dalam dialek ini. Kata ini bermaksud 'tambah', dan digunakan khusus bagi tujuan menambahkan makanan.


Lampiran i

Jadual Bilangan Penduduk Daerah Rembau Mengikut Mukim
Mengikut Daftar Banci Penduduk Kerajaan Malaysia 1980

Luas Daerah Rembau = 101,670 ekar

Bil.	Nama Mukim	Jum. Penduduk		Jum. Besar Penduduk
		Lelaki	Perempuan	
1.	Batu Hampar	850	1015	1865
2.	Bongek	692	805	1497
3.	Chembung	2428	2614	5042
4.	Chengkau	904	927	1831
5.	Gadung	2536	2636	5172
6.	Kundur	782	886	1668
7.	Legung Hilir	736	887	1623
8.	Legung Hulu	374	439	813
9.	Miku	83	89	172
10.	Nerasau	861	1037	1898
11.	Pedas	2575	2444	5019
12.	Pilin	617	667	1284
13.	Selemak	1454	1721	3175
14.	Semerbuk	392	410	802
15.	Sepri	664	824	1488
16.	Tanjung Keling	919	1088	2007
17.	Titian Bintangur	2083	2269	4352
Jumlah Besar Penduduk Rembau		18950	20758	39708

PETA NEGERI SEMBILAN



NEGRI SEMBILAN

REFERENCE

0 1 2 3 4 5 6 7 8 9 10 MILES

STATE BOUNDARY ————


RAILWAYS ————

ROADS ————



Peta Negeri Sembilan yang menunjukkan pecahan daerah-daerahnya. Kawasan kajian ialah daerah REMBAU - Kawasan yang bertanda tebal

Lampiran iv



Peta daerah Rembau yang menunjukkan sempadan antara mukim-mukim. Kawasan kajian ialah Mukim Tanjung Keling iaitu kawasan yang berlorek tebal.

B I B L I O G R A F I

BUKU-BUKU

Abd. Samad Idris (Tan Sri), 1968. Negeri Sembilan dan Sejarahnya. Kuala Lumpur: Penerbitan Utusan Melayu.

_____, 1970. Hubungan Minangkabau Dengan Negeri Sembilan Dari Segi Sejarah dan Kebudayaan. Seremban: Pustaka Asas Negeri.

Abdullah Hassan, 1974. The Morphology of Malay. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

_____(ed.), 1978. Rencana Linguistik. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

_____, 1980. Linguistik Am Untuk Guru Bahasa Malaysia. Kuala Lumpur: Pajar Bakti.

Abercrombie, David, 1967. Elements of General Phonetics. Edinburgh: Edinburgh University Press.

Arbak Othman, 1980. Ilmu Linguistik. Kuala Lumpur: Pustaka Pengarang.

Asmah Hj. Omar, 1973. Morfologi-Sintaksis Bahasa Melayu (Malaya) dan Bahasa Indonesia: Satu Pola Perbandingan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

_____, 1977. Kepelbagaian Fonologi Dialek-Dialek Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

- _____, 1979. Pengimbuhan Dalam Bahasa Makassar. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- _____, 1980b. Nahu Melayu Mutakhir. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Ayatroheidi, 1979. Dialektology: Sebuah Pengantar. Jakarta: Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa, Departemen Pendidikan dan Kebudayaan.
- Bloch and Trager, 1942. Outline of Linguistics Analysis. Baltimore: Linguistic Society of America.
- Bloomfield, Leonard, 1935. Language. London: George Allen & Unwin.
- Brandstetter, R., 1957. Hal Bunyi Dalam Bahasa-Bahasa Indonesia. Jakarta: Pustaka Rakyat.
- Brown, C.C., 1956. Studies In Country Malay. London: Luzac & Co. Ltd.
- Chomsky, N. and Halle, M., 1968. The Sound Pattern of English. New York: Harper & Row.
- Farid M. Onn, 1980. Aspects of Malay Phonology and Morphology: A Generative Approach. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya.
- Hendon, Rufus S., 1959. Phonology and Morphology of Ulu Muar Malay. Tesis PhD. University Yale, USA.
- Hockett, C.F., 1958. A Course in Modern Linguistics. New York: Mc Millan & Co.
- Jones, D., 1956. An Outline of English Phonetics. Cambridge: W. Heffer & Sons Ltd.

- Ladefoged, Peter, 1975. A Course In Phonetics.
USA: Harcourt Brace Jovanovich, Inc.
- Lutfi Abas, 1975. Linguistik Deskriptif dan Nahu Bahasa Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Mangantar Simanjuntak, 1982. Aspek Bahasa dan Pengajaran. Kuala Lumpur: Sarjana Enterprise.
- Mees, C.A., 1967. Ilmu Perbandingan Bahasa-Austronesia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Nida, A.E., 1963. Morphology: The Descriptive Analysis of Words (2nd. ed.). An Arbor: University of Michigan Press.
- Nik Safiah Karim, 1981. Beberapa Persoalan Linguistik Bahasa Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- _____, 1978. Bahasa Malaysia Syntax.
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Raja Mukhtaruddin b Raja Mohd Dain, 1979/1980. Kaedah dan Teknik Mengajar Bahasa.
Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Ilmu.
- Samsuri, 1972. Bahasa dan Ilmu Bahasa dan Fonologi. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Schane, Sanford A., 1973. Generative Phonology.
Englewood Cliffs, New Jersey: Prentice-Hall, Inc.
- Singh, Sadanand and Singh, Kala S., 1976. Phonetics: Principles and Practices.
Baltimore: University Park Press.
- Trubetzkoy, N.S., 1971. Principles of Phonology.
Berkeley: University of California Press.

inal Abidin Ahmad (Za'ba), 1965a. Ilmu Mengarang Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

_____, 1965b. Pelita Bahasa Melayu 1. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

RTIKEL-ARTIKEL

Bakar Hamid, 1964. "Tinjauan Sepintas Lalu Tentang Fonologi," Dewan Bahasa. Jld. VIII, Bil. 3, Mac.

_____, 1964. "Morfologi: Satu Keterangan Ringkas," Dewan Bahasa. Jld. VIII, Bil. 4, April.

Abd Hamid Mahmood, 1982. "Morfologi Dialek Kelantan," Dewan Bahasa. Jld. 26, Bil. 8/9, Ogos/September.

Asmah Hj. Omar, 1980a. "The Kedah Dialek: Its Distribution, Development and Role In The Kedah Speech Community," Darulaman: Essays on Linguistics, Cultural and Socio-Economic Aspects of the Malaysia State of Kedah. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya.

Collins, James T., 1981. "Bahasa dan Dialek: Perancangan dan Pendidikan," Dewan Bahasa. Jld. 25, Bil. 12, Disember.

arid M. Onn, 1980a. "Perubahan Bahasa dari Kajian Dialek; Satu Pendekatan Tatabahasa Generatif," Dewan Bahasa. Jld. 24, Bil. 8, Ogos.

I Hassan Mohd Ali, 1963. "Sedikit Mengenai Penambahan," Dewan Bahasa. Jld. VII, Bil. 4, April.

Ismail Hussein, 1973. "The Malay Dialect in The Peninsula," Nusantara. Bil. 3, Januari.

Kamaruzaman Yahya, 1963. "Pelat Bahasa dan Pengaruhnya Dalam Masyarakat," Dewan Bahasa. Jld. VII, Bil. 5, Mei, dan Bil. 6, Jun, serta Bil. 7, Julai.

Mangantar Simanjuntak dan Ramli Salleh, 1980. "Perubahan-Perubahan Bunyi Bahasa: Satu Kajian Kes Bahasa Melayu Melaka, (Bahagian 1 dan 2)," Dewan Bahasa. Jld. 24, Bil. 10, Oktober, dan Bil. 11, November.

Sharman Abu, 1973. "Satu Tinjauan Ringkas Tentang Bunyi-Bunyi Vokal Dalam Dialek Negeri Sembilan," Dewan Bahasa. Jld. XVII, Bil. 12, Disember.

_____, 1974. "Sistem Bunyi-Bunyi Konsonan Dalam Dialek Negeri Sembilan," Dewan Bahasa. Jld. 18, Bil. 6, Jun.

Wolfram, Walter A., 1966. "Linguistic Correlation of Social Differences in the Negro Community," Monograph Series of Languages and Linguistic, Report on the Twentieth Annual Round Table Meeting On Linguistic and Language Studies. Georgetown University Press, 22 November.

LATIHAN ILMIAH

Alias Hamid, 1979/1980. Dialek Bahasa Melayu
Melaka: Satu Tinjauan Perbandingan.
IBKKM.

Mastura @ Mispura Anuar, 1978/1979. Aspek
Fonologi dan Morfologi Dialek
Melayu Sarawak: Satu Kajian
Preliminari. IBKKM.

Naseh Hassan, 1980/1981. Fonologi Sub-Dialek
Terengganu: Kajian Kes Di Mukim
Jenagor, Ulu Terengganu. Jabatan
Persuratan Melayu.

Zuraidah Zulkeflee, 1981/1982. Pengaruh Dialek
Negeri Sembilan Kepada Pengajaran
dan Pembelajaran Bahasa Malaysia
Standard Di Peringkat Sekolah-Sekolah
Rendah: Satu Kajian Kes Di Tampin.
Jabatan Persuratan Melayu.

Tambahan

Pie, Mario and Graynov, Frank, 1960.
A Dictionary of Linguistics. London:
Peter Qwen.

Rembau: Daerah Kecil Berjiwa Besar. Seremban:
Ibu Pejabat Kerajaan Negeri Sembilan,
Negeri Sembilan, 1982.